

→ EKSTREM

Joki cilik gah tunggang 'Trang'

Abdul Azim menunjukkan sijil serta piala yang dimenangi sempena Pertandingan Kejuhanan Endurance di Kelantan



[FOTO FARIS ZAINULDIN/BH]

BH PLUS
di www.bharian.com.my
untuk lebih gambar dan video

➔ Abdul Azim raih tiga gelaran juara sukan kuda lasak pada usia 12 tahun

Oleh **Hasbullah Ibrahim**
bhsukan@bh.com.my

✦ Kota Bharu

Walaupun baru berusia 13 tahun, Abdul Azim Dzarfan, sudah mampu menjuarai tiga kejuaraan pertandingan sukan kuda lasak atau endurance sejak mula aktif dalam bidang itu ketika berusia lapan tahun.

Benarlah kata pepatah 'melebur buluh, biarlah daripada rebungunya', joki ini dianggap menunggang kuda amat menyeronokkan bahkan

Fakta nombor

RM7,000
HARGA seekor kuda

RM2,500
KOS penjagaan sebulan untuk 12 ekor kuda milik Dzarfan Zulkifl

memberikan kepuasan tersendiri yang sukar digambarkan dengan kata-kata. Memiliki susuk tubuh agak kecil langsung tidak menghalang Abdul Azim untuk bersaing dan menewaskan peserta yang jauh lebih dewasa dan berpengalaman.

Tanpa sedikit pun rasa kekok, Abdul Azim menunggang kuda jenis Arab bagaikan 'sang juara' ketika ditemui di padang latihan di Wakaf Mek Zainab di sini.

Malah, pengalaman terjatuh ketika menunggang kuda kira-kira tiga tahun lalu sehingga meninggalkan parut di pipi kanan sedikit pun tidak mengugut minatnya, malah memberikan semangat untuk terus terbabit dengan sukan berkuda.

Semangat kental itu membuahkan hasil apabila remaja itu menjuarai tiga kejuhanan peringkat negeri berturut-turut sejak 2014.

Anak jati Kota Bharu itu mengakui kejayaan itu adalah hasil asuhan bapanya, Dzarfan Zulkifl, 45, yang mengajarnya menunggang kuda sejak dengan mengelilingi kampung

berhampiran.

"Rahsianya hanyalah sentiasa fokus, tenang dan sabar dengan kerenah kuda ketika menyertai kejuhanan yang mempunyai laluan yang mencahar mental dan fizikal.

Latihan berkala

"Saya membiasakan diri dengan menunggang kuda jantan yang diberi nama 'Trang' setiap hari bermula jam 5 hingga 7 petang.

"Latihan berkala setiap hari sangat penting bagi memudahkan saya memahami bahasa komunikasi dengan kuda dengan menggunakan perkataan tertentu seperti 'Go', 'Run' dan 'Stop'," katanya.

Beliau turut menepis tanggapan yang mendakwa kos penjagaan kuda terlalu tinggi kerana hanya memperuntukkan kira-kira RM2,500 sebulan untuk 12 ekor kuda termasuk kos pembelian makanan, vitamin dan alat kelengkapan.

Bagi bapanya, Dzarfan, selain beriadah, kuda juga boleh dijadikan teman, menyihatkan badan dan mampu

memberikan pulangan lumayan jika dilatih untuk menyertai pertandingan.

Isi masa lapang

Seorang lagi joki sukan lumba kuda, Ahmad Adi Affandi Mohd Arman, 12, pula menjadikan aktiviti berkuda itu untuk mengisi masa lapang selain memenuhi minat peribadi.

Pelajar Sekolah Kebangsaan Banggol Saman, Ketereh ini mula berjinak-jinak dengan sukan berkuda sejak empat tahun lalu dan kini memiliki seekor kuda diberi nama 'Candik' yang baharu berusia dua tahun empat bulan.

"Saya meminati sukan berkuda ini melalui bapa saya (Mohd Arman Ismail)," katanya yang turut menggunakan bahan campuran buah kurma serta lobak merah sebagai makanan tambahan kuda untuk menjadikan kuda lebih cergas dan bertenaga.

Bahkan, kuda juga boleh menjamin pendapatan mereka apabila anak kuda kacukan pelbagai spesis seperti Padi dan Arab dijual.



Abdul Azim (kanan) berlatih bersama adiknya Huzaifah di Kampung Wakaf Mek Zainab.

Abdul Azim (kanan) bersama adik, Huzaifah serta ayahnya, Dzarfan ketika ditemui di Kampung Wakaf Mek Zainab, Kota Bharu.